

Tutup jambatan demi keselamatan

Laluan ke Klang ditutup berikutan kegagalan struktur jambatan Sungai Rambai

SUNGAI RAMBAI - Kesyakan lalu lintas di sepanjang jalan Sungai Rambai menghala ke Klang awal pagi semalam, dipercayai disebabkan kegagalan struktur jambatan di Jambatan Sungai Rambai, Kuala Langat.

Jurutera Daerah Kuala Langat, Ir Mohd Shahril Mohd Said berkata, pemeriksaan daripada Bahagian Kejuruteraan Pemulihan Jambatan, Cawangan Selenggara Fasilitas Jalan telah dilaksanakan pada 23 Julai lalu mendapati kedua-dua lorong yang menghala ke Klang disyorkan ditutup supaya mengurangkan risiko runtuhan di jambatan berkenaan.

Menurutnya, lencongan jalan sehalu di laluan bertentangan (Klang ke Banting) akan bermula dari simpang Jalan Sungai Rambai sehingga hadapan Balai Bomba Telok Panglima Garang berkuat kuasa semalam sehingga ke tempoh masa yang akan dimaklumkan kelak.

"Kita masih menjalankan kerja-kerja pemantauan dan pemberitahuan akan dikemas kini melalui pelbagai hebahkan termasuk di laman sosial Facebook, Jabatan



Siok Hwa (tiga, kanan), Maamin (tiga, kiri) dan Shahril (dua, kiri) mengadakan pertemuan di jambatan itu sejurus mendapat maklumat kesesakan lalu lintas di kawasan Sungai Rambai.

Kerja Raya (JKR) Daerah Kuala Langat," katanya kepada Sinar Harian semalam.

Shahril berkata, pengguna jalan raya boleh menggunakan laluan alternatif di kawasan berhampiran dengan melalui Jalan Kampung Jenjarum-Jalan Sukepi-Jalan Peladang-Jalan Merbuk-Jalan Garuda-Jalan Kebun atau Jalan Sultan Abdul Samad (B58)-Jalan

Serdang Belah-Jalan Sungai Buaya-Jalan Pusara-Jalan Segenting-Jalan Bandar Lama-Bulatan Pulau Carey.

Katanya, buat masa ini penutupan jalan berkenaan bakal mengambil sedikit masa namun meminta kerjasama pengguna jalan raya agar lebih berhati-hati dan mematuhi arahan keselamatan ketika melalui laluan tersebut.

Buka laluan di Bandar Rimbau

DALAM pada itu, akibat penutupan jalan itu, beberapa kawasan berhampiran menjadi tumpuan pengguna sehinggakan di kawasan kampung turut berdepan dengan risiko kesesakan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Jenjarum, Maamin Radiman berkata, dia mengakui laluan ke kampungnya buat masa ini antara pilihan pengguna jalan raya namun bimbang kesesakan teruk bakal menghantui penduduk setempat.

Menurutnya, beliau turut men-

cadangkan agar pihak berkenaan membuka laluan alternatif di kawasan Bandar Rimbau melalui laluan dari Kampung Seri Cheeding sebagai usaha mengurangkan kesesakan di kawasan tumpuan.

"Mungkin laluan alternatif di kawasan Bandar Rimbau dapat digunakan ketika waktu puncak saja bagi melancar-



MAAMIN

kan perjalanan lalu lintas kerana ia dapat menghubungkan pengguna ke kawasan tumpuan termasuk sekitar Shah Alam.

"Dalam pada itu, JKR juga perlu memaparkan notis pemberitahuan yang lebih tepat terutama di kawasan persimpangan masuk ke Kampung Jenjarum bagi tidak mengelirukan pengguna jalan raya yang tidak tahu melalui kawasan alternatif di kampung berkenaan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini.

Maamin berkata, walaupun maklumat itu telah dihebahkan melalui pelbagai medium namun masih ramai lagi yang tidak tahu mengenai status keadaan sebenar kerosakan.

Katanya, pihak JKR akan mengambil sedikit masa untuk membaiki kerosakan di jambatan berkenaan.

Pengguna jalan raya dari arah Banting ke Klang terpaksa membuat lencongan di laluan bertentangan.

Notis pemberitahuan secara berkala

SEMENTARA itu, Pengerusi JPP Zon 7, Ng Siok Hwa berkata, beliau memohon JKR dapat memberikan notis pemberitahuan secara berkala kepada penduduk setempat mengenai status penambahbaikan kerosakan jambatan berkenaan.

Katanya, beliau diberitahu struktur di laluan itu direka untuk muatan berkapasiti 140 tan sahaja dan keadaan itu telah menyebabkan struktur laluan itu berdepan dengan kerosakan di bahagian bawah jambatan.

"Saya harap kerosakan dapat

• Sebarang pertanyaan mengenai penutupan itu, hubungi JKR Daerah Kuala Langat melalui talian 03-31871040/1025.

ditangani segera memandangkan laluan utama itu digunakan oleh pengguna setiap hari. "Cumanya bila waktu puncak keadaan jadi teruk dan boleh sebabkan kesesakan luar biasa," katanya.



Maamin melihat kerosakan yang dimaklumkan berpunca daripada bahagian bawah jambatan itu.